

Hentikan lobi melobi — PM

JITRA 9 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta pemimpin-pemimpin UMNO yang sedang ghairah berlobi dan berlumba-lumba untuk menjadi calon dalam pilihanraya akan datang supaya berhenti berbuat demikian.

Beliau juga menyeru kepada mereka yang tidak terpilih sebagai ketua bahagian penaja yang baru supaya tidak merasa kecewa dan meninggalkan perjuangan parti.

Tegas Perdana Menteri, ahli-ahli UMNO hendaklah menerima hakikat bahawa kerusi untuk calon Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat adalah terhad.

Begitu juga untuk kerusi ketua bahagian.

Kata beliau, sekiranya semua orang dibuai mimpi untuk menjadi calon atau ketua bahagian yang baru, akhirnya parti akan pecah kerana yang kecewa tidak mendapat tempat, lebih ramai daripada yang terpilih.

“Apabila kita pecahkan bahagi-

an dalam UMNO mengikut kawasan pilihanraya, akan timbul masalah kerana kita akan bagi tempat kepada seorang sahaja sebagai ketua bahagian...yang tidak dapat mungkin sembilan atau 10 orang. Jadi kalau hendak kira, yang akan kecewa lebih ramai dari yang merasa seronok,” ujarnya.

Berucap merasmikan persidangan perwakilan khas UMNO bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra pagi ini, Dr. Mahathir berkata, beliau telah mendengar pelbagai cerita kononnya orang berkata pilihanraya sudah hampir dan ramai yang begitu berminat hendak tahu bilakah tarikhnya.

“Ramai yang berminat hendak tahu bilakah tarikh pilihanraya bukan sangat kerana hendak pilih kerajaan tetapi kerana hendak bermimpi sama ada wujud peluang untuk menjadi calon.

■Lihat muka 2

Hentikan lobi-melobi — PM

“Bila sudah ada ingatan yang semacam itu...susahlah, kita sebenarnya menimbulkan masalah dalam parti kerana tidak mungkin semua orang akan dipilih menjadi calon.

“Kemudian apabila tidak terpilih, pemimpin seperti ini mula merasa kecewa dan mula mengungkit mengapa dia tidak dipilih sedangkan dia sudah lama berkhidmat untuk parti dan dia juga sudah membelanjakan wang yang banyak,” kata Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir yang juga ketua bahagi-

an tersebut menambah, sebab itulah apabila keadaan seperti ini berlaku, terdapat pusat pilihanraya yang kosong sehingga empat lima hari.

Katanya, keadaan seperti ini berlaku sebab pemimpin yang merajuk setelah gagal terpilih sebagai calon menarik keluar semua pengikut dan penyokongnya.

Menurut Dr. Mahathir, UMNO mestilah mengelak gejala ini daripada berlaku dalam pilihanraya akan datang kerana ia akan memberi kesan yang amat buruk kepada parti.